



**WAKAF
KOLEJ KEDIAMAN
MAWADDAH**



(<http://mygift.ump.edu.my/index.php/ms/wakaf-kolej-kediaman>)



The Star

Sinar Harian

Home » General (/general) » General (/general) » 2773 bakal bergraduasi dalam Konvokesyen UMP



GENERAL (/GENERAL)

2773 bakal bergraduasi dalam Konvokesyen UMP

2 November 2018 / 0 Comments (</general/2773-bakal-bergraduasi-dalam-konvokesyen-ump/#comments>)

Kuantan, 2 November- Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal meraikan seramai 2773 graduan bersempena dalam Majlis Konvokesyen UMP kali ke-13 yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 10 dan 11 November depan di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang. Majlis menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor UMP mencemar duli mengurniakan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada graduan pada sidang pertama konvokesyen.

Daripada jumlah ini seramai 63 orang merupakan graduan Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD), 172 orang graduan Sarjana, 1713 orang graduan Sarjana Muda, 40 graduan Dwi Ijazah, 270 orang graduan Diploma, 221 graduan Sarjana Eksekutif, 52 orang Bachelor Eksekutif dan 242 orang graduan Diploma Eksekutif membabitkan sembilan fakulti dan dua pusat pengajian.

Manakala majlis menyaksikan jumlah graduan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (264), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (203), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (299), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (307), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (296), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (136), Fakulti Sains & Teknologi Industri (144), Fakulti Pengurusan Industri (183), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (191), UMP Advanced (515) dan Institut Pengajian Siswazah (235).

Daripada jumlah tersebut seramai 40 graduan dwijazah menerima dua ijazah serentak setelah menamatkan pengajian masing-masing. Mereka merupakan graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekatronik dan program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif hasil program kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman (HSKA). Manakala Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan hasil kerjasama Reutlingen University yang buat pertama kalinya bergraduasi pada kali ini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, universiti turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Elektronik) kepada mantan Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd, Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap ketokohan, kewibawaan dan kepimpinan beliau.


"Universiti amat menghargai manfaat besar hasil perkongsian pengalaman profesional dan sumbangan idea beliau sebagai Profesor Adjung di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan peranannya menjayakan CEO@Faculty (mailto:CEO@Faculty) Program kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Beliau turut tampil mendukung inisiatif wakaf dan endowmen pendidikan di UMP melalui platform MyGift dan kesungguhan dalam meningkatkan literasi pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk pelajar sekolah," katanya.

Dr. Hari juga pernah menerima Anugerah CEO Terbaik, Anugerah CEO Paling Menyerlah dan Anugerah CEO Paling Aktif terhadap komitmen tinggi dalam menjayakan CEO@Faculty (mailto:CEO@Faculty) Program tersebut. Dalam pada itu seramai 28 graduan menerima anugerah kecemerlangan universiti dan hadiah industri manakala tiga anugerah baharu yang diperkenalkan kali ini adalah Anugerah Kecemerlangan BASF Petronas, Anugerah Kecemerlangan Soho Niaga dan Anugerah Kecemerlangan Setegap Ventures.

(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)
(/#whatsapp)

STICKY NEWS





JJIM Rai Anak-Anak Tahfiz Madrasah Al-Quran Darul Mukhlisin (/community/jjim-rai-anak-anak-tahfiz-madrasah-al-quran-darul-mukhlisin)

COMMUNITY (/COMMUNITY) / 11 Jun 18

UMP bakal jalin kerjasama dengan universiti Thailand (/moumoa/ump-bakal-jalin-kerjasama-dengan-universiti-thailand)

MOU/MOA (/MOUMOA) / 19 Jan 18

Sukarelawan UMP gotong-royong bantu pasca banjir (/community/sukarelawan-ump-gotong-royong-bantu-pasca-banjir)

COMMUNITY (/COMMUNITY) / 19 Jan 18

180 undergraduates from 13 public universities participate in the World Software Testing Program (/academic/180-undergraduates-13-public-universities-participate-world-software-testing-program)

ACADEMIC (/ACADEMIC) / 15 Jan 18

UMP dan MRL buka pencalonan ambilan kedua pelatih PLKI- ECRL (/general/ump-dan-mrl-buka-pencalonan-ambilan-kedua-pelatih-plki-ecrl)

GENERAL (/GENERAL) / 09 Jan 18



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity



German Engineering

@ UMP


fkm.ump.edu.my

#UMPMalaysia

www.ump.edu.my



EXCELLENT
Institut Kemajuan Pengajaran dan Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Pahang 2018



(<http://fkm.ump.edu.my>)

Trivia Pekan

**Makam Nibong @
Tembuni**

Tahukah anda, terletak di Kampung Mengkasar dan ia dikenali dengan nama Makam Tembuni. Makam ini terdapat beberapa buah batu nisan Aceh dan bertulisan Khat. Antara yang dikebumikan di makam ini ialah Sultan Zainal Abidin Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah pada tahun 1555.




#gambarbukanmilikkami

Tah
Tan
50
lebi
Kel
eka
dipe
d

Connect with us

 (<https://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>)  (<https://twitter.com/umpmalaysia>)

 (<https://www.youtube.com/user/umpmedia>)

GOT NEWS?

Please submit your news to us.

Submit News

E-NEWSLETTER

Manage your newsletter subscriptions

e-CREATE

e-PEKAN REVIEW

Select the newsletter(s) to which you want to subscribe or unsubscribe.

The subscriber's email address.

SUBSCRIBE

Unsubscribe

LINK

- > Universiti Malaysia Pahang
- > Vice-Chancellor's Office
- > My Gift
- > My Community
- > My Green

CONTACT US

Corporate Communication Division

🏠 Pekan, Pahang

☎ (+609) 424 5000

✉ pro@ump.edu.my (mailto:pro@ump.edu.my)

Universiti Malaysia Pahang (<http://www.ump.edu.my>)

Copyright © 2018 . All rights reserved